

03/09/1999

Paras BSKL tidak jejas syarikat awam: PM

Kadir Dikoh

PARAS Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) sekarang yang sudah melebihi 700 mata berbanding 262.70 pada 1 September tahun lalu tidak seharusnya memudaratkan mana-mana syarikat awam, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata meskipun paras bursa itu sepatutnya lebih tinggi untuk mencerminkan prestasi semasa ekonomi negara, beliau tetap berpuas hati dengan paras sekarang.

Katanya, beliau tidak begitu bimbang terhadap pergerakan BSKL ketika ini. (Indeks Komposit di BSKL jatuh 2.31 peratus atau 17.39 mata untuk ditutup pada 735.52 semalam).

"Apa yang sebenarnya membimbangkan adalah jika pasaran saham meningkat ke paras yang tidak mencerminkan nilai aset sebenar syarikat.

"Kita tidak bimbang mengenai pasaran saham...lambat laun ia akan naik. Sebelum ini, walaupun pasaran saham mencecah 1,200 mata kita bimbang ia tidak mencerminkan prestasi dan aset syarikat.

"Nilai saham naik semata-mata (kerana) spekulasi dan ini memberi kesan buruk kepada syarikat kerana mereka membuat pinjaman berasaskan kepada nilai saham yang begitu tinggi.

"Apabila saham merudum, ia akan menimbulkan masalah. Oleh itu, hari ini saya gembira dengan tahapnya (pasaran) yang kita capai dan mungkin ia patut lebih tinggi sedikit tetapi ia tidak (seharusnya) memudaratkan sesiapa," katanya di sidang akhbar selepas menyampaikan ucapan di simposium antarabangsa mengenai kawalan modal dan kerjasama kewangan Asia di Kuala Lumpur, semalam.

Bagaimanapun, beliau berkata ada pengurus dana asing yang masih berpandangan negatif dan tidak yakin terhadap pemulihan ekonomi Malaysia.

"Tetapi kepada saya, itu tak kisah kerana apa yang penting ialah kita menguruskan ekonomi dengan baik. Kita akan menentukan ekonomi Malaysia berkembang dan lambat laun mereka akan datang dan menerima hakikat sebenar...mereka akan datang (semula).

"Adalah sangat sukar untuk merubah pandangan mereka kerana mereka yakin bahawa kita bercakap bohong," katanya sambil menyindir sesetengah rakyat asing yang selama ini kerap memberi gambaran negatif terhadap ekonomi Malaysia.

Ketika sesi soal jawab di simposium itu, Dr Mahathir ditanya mengenai pembaharuan yang boleh dilaksanakan bagi mempercepatkan pemulihan ekonomi Asia.

"Cuba sematkan dalam fikiran bahawa reformasi tidak akan berlaku sekelip mata. Reformasi yang cepat mungkin akan membawa akibat buruk," katanya.

Berikutan kejayaan langkah yang dilaksana negara, Dr Mahathir berkata Malaysia kini menerima pujian malahan daripada pihak-pihak yang tidak diduga.

Antaranya ialah dari Pengarah Urusan Pasaran Modal Hutang Asia Morgan Stanley Dean Witter, Michael Dee, yang menyatakan bahawa langkah yang diambil Malaysia mengurangkan kelemahan negara kepada kejutan luar.

Dr Mahathir berkata Dee juga mengulas bahawa Malaysia sepatutnya berbangga dengan pencapaiannya kerana ia tidak menggunakan langkah pemulihan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) tetapi sebaliknya melaksanakan pendekatan sendiri yang terbukti berjaya.

Selain itu, naib presiden yang juga penganalisis kredit kedaulatan kanan Morgan Stanley, Ann Ginsberg, juga menyatakan kawalan itu telah dilaksanakan dengan begitu baik.

"Ia telah menjadikan negara lebih berdaya saing dengan imbalan bayaran yang mantap," katanya.

Penasihat kanan jabatan Asia Pasifik IMF, Margaret Kelley, juga memberi komen bahawa Malaysia menggunakan dengan bijak ruang yang disediakan oleh kawalan modal itu.

(END)